

Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) – Promosi E-Duit Raya 2023

Kemaskini terakhir pada 3 April 2023

TERMA-TERMA DAN SYARAT-SYARAT PROMOSI

Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi Akaun Pelaburan Berjangka-i (“**TIA-i**”) oleh Hong Leong Islamic Bank ini hendaklah dibaca bersama-sama Terma-terma & Syarat-syarat TIA-i dan mana-mana terma-terma dan syarat-syarat berkaitan yang dikenakan oleh Hong Leong Islamic Bank Berhad 200501009144 (686191-W) (“**HLISB**” atau “**Bank**”). Bank boleh mengenakan terma-terma dan syarat-syarat lain yang berkaitan di samping peraturan-peraturan lain pada bila-bila masa dengan notis awal.

Terma-terma dan Syarat-syarat ini hanya terguna pakai bagi TIA-i iaitu Akaun Pelaburan Tidak Terhad (UA) yang membenarkan langganan dan pengeluaran dibuat secara atas talian melalui Perkhidmatan Perbankan Digital Hong Leong (“**HLB Connect**”).

“**Akaun Pelaburan Berjangka-i (TIA-i) – Promosi E-Duit Raya 2023**” ini akan bermula dari 10 April 2023 dan berakhir pada 20 Mei 2023, termasuk kedua-dua tarikh tersebut atau mencapai sasaran promosi, yang mana terlebih dahulu (“**Tempoh Promosi**”), melainkan diberitahu sebaliknya.

Terma-terma & Syarat-syarat

Berikut adalah terma dan syarat yang terpakai untuk Promosi ini (“**T&S**”):

Kelayakan

1. Promosi ini terbuka kepada individu dan perniagaan tunggal (“**Pelabur**”) yang merupakan pemegang akaun utama HLISB Akaun Semasa atau Simpanan-i (“**CASA-i**”) / Hong Leong Bank Berhad (“**HLB**”) Akaun Semasa atau Simpanan (“**CASA**”). Pelabur hendaklah mendaftar terlebih dahulu dengan HLB Connect sebelum atau semasa Tempoh Promosi.
2. Pemegang Akaun Bersama CASA-i / CASA tidak boleh membuka atau mengendalikan TIA-i dan tidak dibenarkan untuk menyertai Promosi ini.
3. Promosi ini hanya untuk langganan baharu yang dibuat semasa Tempoh Promosi. Pelabur yang membuat pembaharuan pelaburan secara automatik semasa Tempoh Promosi tidak layak menyertai Promosi ini, melainkan Pelabur mengeluarkan pelaburan yang sedia ada dan membuat langganan baharu semasa Tempoh Promosi.

Kadar Indikatif Promosi untuk TIA-i & Langgan

4. Pelabur yang telah melanggan TIA-i antara jumlah Ringgit Malaysia Dua Ribu (RM2,000) dan Ringgit Malaysia Lima Juta (RM5,000,000) untuk tempoh tiga (3) bulan, enam (6) bulan atau dua belas (12) bulan semasa Tempoh Promosi layak untuk mendapatkan Kadar Indikatif Promosi seperti yang tertera di bawah;

Tempoh Promosi	Tempoh Pelaburan	Nisbah Perkongsian Keuntungan (PSR) Pelanggan: Bank	Kadar Indikatif Promosi	Amaun Langganan Minimum Dana TIA-i	Amaun Langganan Maksimum Dana TIA-i untuk setiap langganan
10/4/2023 - 20/5/2023	3 bulan	85:15	3.99% setahun*	RM2,000	RM5,000,000
	6 bulan	85:15	3.99% setahun*	RM2,000	RM5,000,000
	12 bulan	85:15	3.95% setahun*	RM2,000	RM5,000,000

* Sekiranya terdapat perubahan dalam Kadar Dasar Semalaman (OPR) dari Bank Negara Malaysia, kadar keuntungan yang dijangka untuk langganan baharu (selepas perubahan OPR) mungkin akan diubah semasa Tempoh Promosi.

Mekanisme Promosi

5. **Pembaharuan:** Kadar Indikatif Promosi ini hanya untuk langganan bagi tempoh pelaburan TIA-I selama tiga (3) bulan, enam (6) bulan dan dua belas (12) bulan. Sebarang pembaharuan tempoh pelaburan TIA-i selepas itu akan tertakluk pada kadar indikatif biasa HLISB semasa pembaharuan dilakukan.
6. Bagi Pelabur yang sedia ada mempunyai akaun CASA-i / CASA di HLISB / HLB, langganan TIA-i boleh dilakukan melalui HLB Connect. Pelabur yang tidak mempunyai CASA-i / CASA bersama Bank dikehendaki untuk membuka akaun CASA-i dengan HLISB sebelum melanggan dalam TIA-i.

E-Duit Raya untuk Pelabur terawal

7. 250 Pelabur terawal yang melanggan TIA-i semasa Tempoh Promosi (“Pelabur Layak”) akan layak menerima hadiah langganan awal (“Hadiah”). Pelabur Layak mesti memenuhi syarat seperti yang dinyatakan dalam Jadual 1 di bawah:

Jadual 1

Kelayakan	Hadiah Langganan
Untuk 250 pelanggan terawal yang melanggan TIA-i dengan langganan minimum RM70,000 (terbuka untuk semua tempoh pelaburan)	E-Duit Raya sebanyak RM150

8. Untuk mengelakkan keraguan, Hadiah akan diperuntukkan berdasarkan siapa cepat dia dapat dan terhad kepada satu (1) Hadiah bagi setiap Pelabur Layak tanpa mengira bilangan langganan semasa Tempoh Promosi.
9. Hadiah tidak boleh ditukar dengan wang tunai pendahuluan, kredit, cek atau manfaat barangan.
10. Pelabur Layak akan dimaklumkan oleh Bank sama ada secara bertulis, melalui telefon, melalui Khidmat Pesanan Ringkas ("SMS") atau dalam apa-apa cara lain yang dianggap praktikal oleh Bank ("Pemberitahuan") atas dasar usaha terbaik melalui nombor telefon atau alamat yang terdapat di dalam sistem dan/atau rekod Bank.

Am

11. Dengan menyertai Promosi ini, Pelabur bersetuju:
 - (a) untuk mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung;
 - (b) bahawa keputusan Bank dalam semua hal berkaitan Promosi ini adalah muktamad, mengikat dan konklusif;
 - (c) untuk melayari laman sesawang HLISB di www.hlisb.com.my/TIA-i dari semasa ke semasa untuk menyemak Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi dan memastikan untuk mengambil tahu sebarang perubahan atau variasi terhadap Terma-terma dan Syarat-syarat promosi.
12. HLISB berhak:
 - (a) untuk menambah, menggugurkan, menggantung atau mengubah Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini, sama ada secara menyeluruh atau sebahagian, dengan memberi notis terlebih dahulu. Bank akan memuat naik Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi yang telah dikemas kini di laman sesawang Bank, atau melalui mana-mana kaedah yang dianggap sesuai oleh Bank.
 - (b) untuk melucutkan kelayakan mana-mana Pelabur daripada menyertai Promosi ini disebabkan tidak mematuhi Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi yang terkandung dalam dokumen ini seperti mana yang dianggap munasabah oleh HLISB.
13. Semua Terma-terma & Syarat-syarat lain yang berkaitan dengan TIA-i akan terus diguna pakai melainkan disebut sebaliknya dalam Terma-terma & Syarat-syarat yang terkandung dalam dokumen ini.
14. Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi ini akan tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan Pelabur bersetuju untuk akur kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah-mahkamah Malaysia.
15. Sekiranya terdapat percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi yang terkandung dalam dokumen ini dan sebarang bahan pengiklan, promosi, publisiti dan bahan-bahan lain berkaitan atau berhubung dengan Promosi ini, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi ini.
16. Terma-terma dan Syarat-syarat Promosi yang terkandung ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat TIA-i hendaklah dibaca bersama-sama sebagai satu perjanjian keseluruhan. Sekiranya terdapat sebarang percanggahan antara Terma-terma dan Syarat-syarat yang terkandung

dalam dokumen ini dan Terma-terma dan Syarat-syarat TIA-i, Pelabur hendaklah merujuk kepada Terma dan Syarat promosi ini yang hanya diguna pakai untuk Promosi ini.

17. Terma-terma dan Syarat-syarat TIA-i yang diguna pakai untuk Promosi ini boleh didapati di www.hlisb.com.my.
18. Perkataan yang merujuk kepada satu jantina merangkumi semua jantina yang lain dan perkataan yang menandakan tunggal merangkumi perkara yang bukan tunggal dan begitu juga sebaliknya.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan mengenai Terma-terma & Syarat-syarat, sila e-mel kami di hlonline@hlbb.hongleong.com.my

Produk ini (i) bukan deposit bank dan tidak diinsuranskan oleh PIDM; dan (ii) tertakluk kepada risiko pelaburan, termasuk kemungkinan kehilangan jumlah prinsipal yang dilaburkan. Prestasi lepas tidak menunjukkan keputusan masa depan, harga/jumlah yang dilaburkan tertakluk kepada risiko pasaran yang boleh mengakibatkan kenaikan atau susut nilai.